

**Teks Ucapan Alu-Aluan**

**Yang Mulia**

**Awang Salminan bin Haji Burut**

**Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah)**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Majlis Perasmian Hari Terbuka**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Hari Sabtu,**

**22 Jamadilawal 1441 bersamaan 18 Januari 2020**

**Jam 8.45 pagi**

**Bertempat di Atrium, Ground Floor, The Mall Gadong**

\*\*\*

مَسْبَدُ اللَّهِ اَنْ مَحْرَلَا مَيْحَرَلَا

Alhamdulilahi Rabbil 'Alameen, Wassalatu  
Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiae Walmursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee  
Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat,  
Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman  
@ Othman  
Ahli Majlis Mesyuarat Negara  
Selaku Ketua Rombongan

Yang Berhormat-Yang Berhormat  
Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Mulia Awang Ajman bin Meludin,  
Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan,  
Kesejahteraan dan Undang-Undang),  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji  
Matassan,  
Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan  
Daerah)  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Mulia,  
Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai  
Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan  
Jabatan-Jabatan di bawahnya,

Hadirin dan hadirat yang peramba/ kaola / saya  
hormati sekalian.

Assalamu' Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdullilah, dengan taufiq serta hidayah dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala juga kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini bagi Majlis Perasmian Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya. Peramba/ kaola/ saya sukacita ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke Majlis Perasmian Hari Terbuka ini yang diadakan buat julung-julung kalinya. Peramba/ kaola / saya bagi mewakili seluruh warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Jabatan-Jabatan di bawahnya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ke Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini dan

juga diatas kesudian Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman@Othman selaku Ketua Rombongan untuk merasmikan Hari Terbuka ini nanti.

2. Program Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang diadakan selama dua (2) hari ini adalah merupakan inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan dengan membuka ruang untuk mendekati masyarakat supaya masyarakat akan peka dan mengetahui dengan lebih mendalam lagi terhadap fungsi, peranan dan tugas serta tanggungjawab Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Program seumpama ini juga memberi peluang bagi pihak Kementerian ini dan juga Jabatan-Jabatan di bawahnya untuk menyalurkan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan semasa dan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan dalam

mencapai visi Kementerian iaitu Masyarakat Bersatu Padu dan Dinamik ke arah Negara Brunei Darussalam yang Selamat dan Sejahtera.

3. Di samping itu, hari terbuka ini juga dihasratkan untuk menjadi landasan ataupun *platform* bagi pihak Kementerian ini membuat *public engagement* atau pendekatan awam untuk mendengar, berkongsi maklumat dan saling bertukar pandangan dan idea dengan pihak-pihak berkepentingan dan juga orang ramai secara amnya supaya pihak Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya akan lebih peka terhadap kehendak dan keperluan masyarakat dan pihak berkepentingan di dalam merancang dasar, program atau projek yang bersesuaian di dalam meningkatkan lagi keberkesanan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

4. Pada Majlis Perasmian Hari Terbuka ini, sebanyak tiga (3) inisiatif dan pembaharuan akan dilancarkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Di samping itu, terdapat sebanyak lapan (8) *booth* yang disediakan yang memaparkan pelbagai pameran dan bahan-bahan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang terdiri daripada Jabatan-Jabatan Daerah, Jabatan-Jabatan Bandaran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Bahagian Hiburan Awam Kementerian ini. Terdapat juga beberapa *booth* yang akan memperkenalkan dan menjual produk-produk 1K1P dari ke empat-empat daerah.

5. Di dalam hubungan ini, peramba / kaola / saya dengan hormatnya sukacita menjunjung dan mempersilakan Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara untuk mengunjungi booth-booth yang ada bagi menyaksikan pameran dan seterusnya mengambil peluang ini untuk bersemuka secara langsung dengan Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi mengajukan apa jua soalan-soalan ataupun memberikan pandangan atau cadangan dan juga bertukar-tukar fikiran dan maklumat bagi tujuan untuk sama-sama meningkatkan lagi kualiti dan keberkesanan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

6. Untuk makluman bersama, sesi Hari Terbuka ini juga akan diselajurkan dengan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat -Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada petang ini. Perubahan format muzakarah pada tahun ini adalah bertujuan bagi memperkenalkan segala inisiatif dan pembaharuan yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian ini melalui pameran dan seterusnya memberikan lebih ruang dan peluang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mendapatkan maklumat dengan lebih *detail* secara langsung daripada Ketua-Ketua Jabatan. Sesi pertemuan ini akan disambung lagi dengan mengadakan sesi muzakarah bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di sebelah petang nanti.

7. Sebelum peramba / kaola / saya akhiri ucapan ini, sekali lagi peramba / kaola / saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih diatas kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Majlis Pelancaran Hari Terbuka Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Di-Bawahnya. Di dalam kesempatan ini juga Peramba / Kaola / Saya juga tidak lupa mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis dan juga kepada semua yang terlibat dalam mengendalikan dan menjayakan Hari Terbuka pada pagi ini. Semoga Allah jua yang akan dapat membala budi dan jasa baik dengan balasan yang setimpal jua.

Sekian,

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.